
TAJUK : FORUM TUN DR MAHATHIR DI UNIVERSITI COLUMBIA

UHIT2302

PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI

SEKSYEN : 38 - 1SECR

PROGRAM : SARJANA MUDA SAINS KOMPUTERAN (RANGKAIAN DAN
KESELAMATAN KOMPUTER)

No.	NAME	STUDENT ID
1	IFFAH NAJIHAH BT MHD KHIZAM	A19EC0052

NAMA PENSYARAH : PROF MADYA DR SULAIMAN BIN KADIKON

TARIKH HANTA : 4/12/2019

1. PENDAHULUAN

Pada 25 September, di NEW YORK, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berucap pada Forum Pemimpin Dunia yang diadakan di Universiti Columbia pada hari Rabu. Tun Mahathir berada di bandar ini untuk sesi ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Beliau menyapaikan ucapnama bertajuk 'Kedaulatan Undang-Undang dan Multilateralisme' hampir sejam itu turut disaksikan hampir 300 hadirin yang memenuhi segenap ruang legar perpustakaan universiti berkenaan.

<https://www.youtube.com/watch?v=sE4j4ubqEKI&t=105s>

2. BIOGRAFI YAB TUN DR MAHATHIR

YAB Tun Dr Mahathir dilahirkan pada 10 Julai di Kampng Seberang Perak, Alor Setar Kedah, suatu kawasan yang diakui oleh beliau sendiri sebagai kawasan miskin. Ibu bapa beliau ialah Mohamad bin Iskandar dan Wan Tempawan binti Wan Hanafi. Beliau merupakan anak bongsu daripada sembilan orang adik beradik.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak selama dua tahun sebelum memasuki sekolah Inggeris kerajaan yang kemudian bertukar nama kepada Kolej Sultan Abdul Hamid, dimanana ayahnya merupakan guru besar. Sebagai pelajar beliau aktif berdebat dan dikenali kerana kemahiran bahasa inggersinya. Dia dilantik sebagai editor majalah sekolah dan bermain untuk pasukan ragbi sekolah.

Beliau menjadi Perdana Menteri keempat Malaysia pada 16 Julai 1981 menyandang jawatan itu untuk tempoh yang paling lama dalam sejarah Malaysai dna Asia Tenggara iaitu 22 tahun. Beliau dikenali sebagai 'Bapa Pemodenan diatas kejayaan beliau menukarkan Malaysia dari sebuah Negara pertanian kepada Negara perindustrian moden. Tun meletakna jawatan sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016, beliau muncul kembali di alam politik apabila beliau menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia untuk menandingi Barisan Nasional. Pada tahun 2018, dalam satu kejutan politik, PPBM dan parti-parti bersekutunya memenangi Pilihan Raya Umum ke-14. Pada usia 93 tahun, beliau menjadi Perdana Menteri ke-7 Malaysia.

3. LATAR BELAKANG UNIVERSITI COLUMBIA

Columbia University diasaskan pada tahun 1754 sebagai King's College oleh piagam kerajaan Raja George II dari England. Kolej Columbia diasaskan sebagai King's College, oleh piagam raja Raja George II dari Great Britain di Wilayah New York pada tahun 1754. Oleh kerana sebahagiannya pengaruh pemimpin agama Gereja England, tapak di New York City di Gereja Trinitas halaman, Wall Street di pulau Manhattan dipilih. Pada tahun 1896, pemegang amanah Columbia College, di bawah bimbingan Seth Low, meluluskan nama baru untuk universiti secara keseluruhannya, Universiti Columbia di Bandar Raya New York. Pada masa ini, nama Kolej Columbia kembali digunakan semata-mata untuk merujuk kepada kolej sarjana asal, yang diasaskan sebagai King's College pada 1754 dan dinamakan Columbia College pada tahun 1784.

Columbia adalah institusi pengajian tinggi tertua di negeri New York dan kelima tertua di Amerika Syarikat. Ia menduduki tempat sebagai kolej terbaik ke-3 di Amerika Syarikat oleh A.S. News and World Report selepas hanya Princeton dan Harvard. Kolej ini mempunyai Kurikulum Teras komprehensifnya yang tersendiri, dan merupakan salah satu kolej paling selektif dalam kemasukannya. Pada tahun 2021, kolej itu menerima 5.8% daripada pemohonnya, kadar penerimaan terendah kedua dalam Liga Ivy di belakang Harvard sahaja.

4. ULASAN

Kemanusiaan di Rohingya

Isu pertama yang dibahasakan adalah tentang tindakan yang dilakukan berkenaan isu kemanusiaan di Rohingya. Rakyat Myanmar yang enggan menolak kerajaan junta pentadbiran Aung San Suu Kyi menyukarkan lagi usaha penghantaran pulang etnik Rohingya ke Rakhine. YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kini peranan menyelesaikan krisis itu terletak di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Jelasnya, negara-negara yang berkepentingan dalam isu ini tidak akan sama sekali menghantar tentera dan menyerang Myanmar seperti yang dilakukan Amerika Syarikat terhadap Saddam Hussein di Iraq.

“Jika Myanmar kata jangan masuk ke negaranya, jangan masuk. Tidak boleh, kerana ia salah. Jadi jelas kelemahan PBB dalam perkara ini apabila kerajaan (Myanmar) secara jelas

bertindak kejam kepada rakyatnya dan kita (penduduk dunia) tidak mampu berbuat apa-apa.” Jelasnya, Suu Kyi juga dilihat gagal untuk membela rakyatnya yang ditindas seperti apa yang dilakukan warga dunia sewaktu beliau dikenakan tahanan rumah. Tambah Dr Mahathir, walaupun dunia bercakap soal hak asasi manusia, keamanan sejagat dan penghapusan peperangan, namun tiada apa yang mampu dilakukan tatkala sesebuah negara melakukan kekejaman terhadap penduduknya

Wujud jurang perbezaan antara golongan miskin dan kaya

Kerajaan akan lebih peka dalam mengendalikan saringan terhadap pemberian kontrak dan peluang kepada peniaga Bumiputera bagi menangani isu ketirisan dasar kuota, kata Tun Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri ketika menegaskan perkara itu berkata, pendirian itu harus diambil supaya setiap kontrak yang dianugerahkan kepada pihak berkaitan dilaksanakan mengikut garis panduan dan sekiranya gagal, ia boleh ditarik balik.

Menyelami kisah kejayaan Malaysia menangani ketegangan kaum, Perdana Menteri berkata, polemik sedemikian lazimnya tercetus apabila wujud jurang perbezaan antara golongan miskin dan kaya. Katanya, situasi berkenaan berupaya menjadi lebih parah apabila ia membabitkan kaum berbeza sehingga mengundang risiko berlakunya keganasan, justeru ‘kunci’ perubahan yang perlu dirintis ialah bukan identiti kaum seseorang, sebaliknya prestasi ekonomi mereka. “Contohnya, kita bantu kelompok yang lemah untuk mampu bersaing dan menyaingi komuniti kaya. Itu usaha kita menerusi dasar tindakan pengukuhan. Ia sukar kerana golongan miskin lazimnya tidak mempunyai kemahiran menggunakan peluang sedia ada dan modal bagi mengembangkan kekayaan mereka.

Hak kebebasan bersuara

Kemunculan YAB Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menyampaikan ucap tama sempena Forum Kepemimpinan Dunia University Columbia mencetuskan kontroversi kerana beliau adalah anti-Yahudi dan universiti tersebut yang kebanyakannya adalah orang Yahudi. Orang Yahudi beranggapan seseorang bersifat anti-Yahudi tidak boleh mengutarakan pandangan. Ia bertentangan dengan pendapat beliau. Beliau berpegang teguh kepada prinsip kebebasan mengutarakan pandangan termasuk melemparkan kritikan terhadap golongan Yahudi apabila seorang penuntut universiti tersebut memperkenalkan dirinya sebagai seorang ahli penyokong

Israel. Beliau beranggapan kebebasan bersuara merangkumi dari segi aspek dimana mereka harus berlapang dada menerima semua pandangan walaupun tidak sehaluan atau tidak memihak kepadanya. Sebagai contoh orang ramai banyak bercakap buruk terhadap beliau dan negara Malaysia, tetapi beliau tidak sekalipun memprotes atau berdemonstrasi. Jika tidak menerima pandangan ataupun pendapat, ia bukan lagi kebebasan bersuara, jelas kata beliau.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang lemah

Meskipun dikenali sebagai organisasi besar yang terdiri daripada pelbagai negara, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) lemah kerana tidak mampu bertindak merungkai ketidakadilan. Tun Dr Mahathir berpendapat PBB gagal untuk masuk campur isi 'domestik' seperti kebakaran hutan yang menghasilkan kepulan asap yang berhaya, yang dikenali sebagai jerebu sehingga menjejaskan negara jiran. Sebagai contoh negara Indonesia sering melakukan pembakaran hutan pada setiap tahun bertujuan menyuburkan tanah di ladang pertanian mereka. Kita boleh memberikan teguran, memberikan bantuan memadamkan api tetapi keajaian mereka boleh menolak bantuan yang ingin diberikan oleh kerajaan Malaysia. Perilaku tersebut diteruskan setiap tahun kerana tiada PBB mahupun negara-negara besar untuk menghalang sekeras-kerasnya akan tindakan tersebut. PBB dan negara-negara yang mempunyai kuasa besar mampu menghalang kerana negara yang tidak mempunyai kuasa besar terpaksa akuh. Tetapi tiada satu tindakan proaktif dikalangan kuasa kuasa besar untuk menghalang perkara tersebut. PBB mengamalkan system yang dimana tidak membenarkan sebarang bentuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota, PBB berkemungkinan mengambil pendirian bahawa masyarakat dunia harus bertindak merangka penyelesaian memandangkan ia bukan lagi hal ehwal dalaman negara anggota, sebaliknya menjadi polemik global. Jika perkara ini tidak dibendung, suhu dunia semakin meningkat dan dunia semakin banyak kerosakannya.


5. KESIMPULAN

Forum pemimpin dunia yang diadakan di Universiti Columbia banyak membincangkan isu-isu semasa seperti isu kemanusiaan di Rohingya, perbezaan antara golongan miskin dan kaya, hak kebebasan bersuara, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang lemah, dan banyak lagi isu yang dibangkitkan. Hai ini demikian forum ini bertujuan untuk mendengar pandangan daripada pemimpin-pemimpin daripada negara yang berbeza. Dengan ini, kita boleh menganalisis isi-isu yang dibangkitkan dengan sedikit sebanyak sebagai rakyat biasa juga boleh membantu dengan cara yang termampu seperti menawarkan diri untuk menyertai aktiviti sukarelawan daripada badan kerajaan ataupun swasta dalam misi kemanusiaan. Bak kata pepatah, ringan sama dijinjing, berat sama dipikul membantu menyelesaikan masalah isu-isu dunia beramai-ramai agar keamanan dan keharmonian dunia akan terjamin pada masa hadapan dan peperangan antara dunia tidak akan terulang lagi jika kita menjaga hubungan sesama kita.


6. LAMPIRAN

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611114/pbb-lemah-tidak-mampu-rungkai-ketidakadilan-pm>
- <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/negara-lain-tidak-akan-serang-myanmar-seperti-lakukan-terhadap-iraq-tun-mahathir-218484>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611135/kontrak-peluang-untuk-bumiputera-lebih-ketat-pm>
- <https://www.youtube.com/watch?v=OqqRWi8bRJM&t=43s>

7. APENDIK



YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan ucap tama pada Forum Kepemimpinan Dunia Universiti Columbia di New York.



YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hadir pada sesi dialog sempena Forum Kepemimpinan Dunia University Columbia, di New York.